

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Ahad, 29 Disember 2019 11:52 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Usaha Murni Mahasiswa UUM Hulur Bantuan Persekolahan



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

29 DISEMBER 2019 / 2 JAMADILAWAL 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

USAHA MURNI MAHASISWA UUM HULUR BANTUAN PERSEKOLAHAN

UUM ONLINE: Kebiasaan menjelang bulan 12 semua pelajar akan membuat persiapan untuk kembali ke sekolah. Mengenangkan nasib anak yatim dan pelajar yang tidak berkemampuan telah mencetus idea kepada mahasiswa UUM untuk memberi bantuan persekolahan.

Untuk merealisasikan usaha murni itu, Persatuan Pengurusan Pendidikan berjaya mengumpul dana sebanyak RM1,500 untuk disumbangkan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dan anak-anak yatim sekitar Changlun dalam Program *Spread a Kindness*.

Pengarah program, Siti Nuraisyah Abdul Wahab berkata, kutipan dibuat melalui sampul yang diedar ke kelas dan kuliah serta masyarakat luar yang turut menyumbang dalam program yang bertujuan untuk memberikan bantuan awal persekolahan kepada anak-anak bagi memulakan sesi persekolahan 2020.

Ujarnya, pihaknya menjalin kerjasama dengan Guru kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changlun yang memberikan senarai nama pelajar terpilih.

"Kami turun ke setiap rumah pelajar SMK Changlun yang jauh di pedalaman untuk menyampaikan voucher pakaian baju sekolah

"Saya kagum dengan sikap tidak putus asa mereka bayangkan dengan keadaan rumah yang uzur, jauh dari sekolah, jalan berlubang dan berlopak tetapi semua itu bukan alasan untuk mereka berhenti belajar dan berjuang demi mengubah masa depan," ujarnya.



Menurut Presiden Persatuan Pengurusan Pendidikan, Amirul Hayat Salehin, dalam kesibukan mahasiswa menuntut ilmu serta kewangan yang terhad bukan halangan kepada 10 sukarelawan Mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) dari School of Education and Modern Languages (SEML) turun padang menyumbang bakti buat masyarakat setempat.

“Sebaik sahaja menyampaikan bantuan, dari raut wajah mereka terpancar kegembiraan dan amat menghargai pemberian yang dihulurkan walau tidak sebesar mana.

“Jauh di sudut hati saya, rasa kepuasan dan pencapaian yang besar kerana kami diberi kesempatan untuk membantu insan lain memandangkan ini merupakan program pertama di bawah persatuan.

Amirul berharap sumbangan awal persekolahan itu akan sedikit sebanyak dapat meringankan beban perbelanjaan persekolahan serta memberikan motivasi anak-anak yatim tersebut untuk lebih bersemangat menjalani persekolahan pada tahun hadapan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.